

**SEMINAR KEBANGSAAN
HIKAYAT HANG TUAH
“TAKKAN MELAYU HILANG
DI DUNIA”**

Tarikh

26-27 September 2003

Tempat

**Dewan Budaya
Universiti Sains Malaysia**

Anjuran

**Persatuan Pengajian Melayu USM
(BAHTERA)**

**Dewan Bahasa dan Pustaka
Wilayah Utara**

**Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
USM**

**HANG TUAH BERCAKAP OGHANG PUTEH:
Terjemahan dan Penjelmaan Hang Tuah dalam
Bahasa Eropah**

Muhammad Haji Salleh

Mukadimah

Karya agung dan persoalan sesebuah bangsa sering menyeberang ke dalam bahasa dan kesedaran bangsa lainnya. *Ramayana*, melalui Rama dan Sita, diterjemahkan dan dijemakan dalam tak kurang sepuluh bahasa besar, termasuk Jawa, Thai, Vietnam, Singalese, Kampuchea, Melayu dan Bali. Begitu pula karya *Hamlet* dan *King Lear* diterjemahkan dalam berpuluh bahasa, termasuk dalam bahasa Melayu-Indonesia. Di suatu pihak terjemahan itu dilaksanakan untuk menangkap genius sesuatu bangsa dan pindahkannya ke dalam bahasa lain, dan untuk membawakan bakat-bakat besar itu kepada sasaran lainnya. Di suatu pihak lainnya karya besar ini menawarkan makna sejagat yang terjalin dalam ceritanya. Rama dan Sita dilihat sebagai mangsa kejahatan atau ketidakadilan, dan akhirnya dibenarkan untuk membela diri sehingga mereka mengibangkan kembali susunan kuasa dan kesaksamaan. Oleh yang demikian mereka muncul sebagai wira kebaikan dan keadilan. Kemurniaan dan kesetiaan seorang isteri diuji dan diperlihatkan kemuliaannya. Dalam *Hamlet* manusia berfikir dan pembela diangkat menjadi contoh unggul tapi tersiksa jiwanya, manakala *King Lear* pula melukis perasaan orang tua yang dipaksa usianya untuk selalu memantau perbuatan dan kata anak-anaknya, dan menuntut kesetiaan yang sempurna walau mengikat. Maka makna di hujung kehidupan disimpulkan dalam adegan akhir yang tragik.

Dari Vietnam *Kisah Kieu* menceritakan penderitaan seorang anak yang putih hatinya dan tidak bersalah, yang dimangsakan oleh berbagai-bagai golongan, dan dijadikan lambang manusia dan negara (Vietnam) yang menderita masalah dan penjajahan sepanjang sejarahnya.

Hikayat Hang Tuah muncul dari imaginasi Melayu di Nusantara dan dewasa ini dianggap sebagai karya agung Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei, dan manusia berbahasa Melayu. Dialah wira budaya, tanpa tandingnya - sekiranya *Kieu* dan *Lear* serta *Hamlet* hanya wujud di halaman imaginasi sastera, *Hang Tuah* diuperakui wujud oleh *Sulalat al-Salatin* (*Sejarah Melayu*), walau dilakar dalam bentuk dan pencapaian yang lebih

sederhana. Kata beberapa orang sarjana *Hikayat Hang Tuah* menjadi lebih besar di waktu Melaka dikalahkan oleh Portugis berterus-terusan di Johor dan Kampar, dan lukisan gemilang ini dijadikan sebagai penebus psikologi bangsa yang pernah besar tapi sedang kalah dewasa itu.

Dalam *Hikayat Hang Tuah* wiranya dilukiskan sebagai manusia sempurna (dalam konteks feudal kurun ke-14 atau 15), yang setia kepada setiap kata dan prinsip yang tidak bertulis di zaman itu. Koda begini, sekiranya dilihat dari perspektif bandingan, juga wujud di antara Pahlawan Meja Bulat (Knights of the Round Table) dan juga di antara samurai Jepun di zaman pra-modern, yang dikenali sebagai Bushido. Namun *Sulalat al-Salatin* lebih dekat kepada sejarah daripada *Hikayat Hang Tuah* dan melukiskan kejayaan dalam ruang yang lebih kecil dan kekuatan dan pencapaian yang lebih dapat dipercayai

Dalam kedua buah karya ini Hang Tuah dilukis sebagai manusia agak kosmopolitan, malah untuk zamannya, manusia antarabangsa yang mengenali bahasa dan budaya banyak negara besar, terutama sewaktu dia menjadi rajaduta Melaka. Sewaktu dia membesar pengarang mempersiapkannya dengan dua belas bahasa semuanya, iaitu semua bahasa besar dalam dunia yang dikenali Melaka pada waktu itu – Jawa, Cina, Keling, Siam, Arab dan lain-lain Yang dilukiskan manusia luar biasa – pada kemampuan linguistiknya, bakat diplomatiknya, kekuatan jasmaniahnya, keberaniannya, keperwiraannya

Pengarang *Hikayat Hang Tuah* tidak mau wira bangsanya hanya berjaya di perkarangan istana Melaka, tetapi dibawa ke negeri-negeri lainnya – ke Siam, Keling, China, Arab dan malah ke Rom – iaitu di kota pinggir empayar tertimurnya, Konstantinople Cuba lihat bagaimana dia dipersiapkan oleh pengarang dan jiwa besarnya (Kassim Ahmad, ed . 1975 21),

Telah sudah tamat pengajiannya maka ia berkata kepada bapanya
`Ayo bapaku pada bicara hamba, hendak mengaji kepada lebai Keling
pula supaya hamba tahu pula bahasanya ' Maka

kata Hang Mahmud, 'Benarlah seperti bicara anakku itu ' Maka Hang Tuah pun mengajilah pula pada seorang lebai Keling ' Hutta, beberapa lamanya, maka tamatlah dengan bahasa Keling itu, habislah diketahuinya. Maka Hang Tuah pun berkata kepada bapanya hendak mengaji kepada lebai Siam pula supaya diketahuilah akan bahasanya. Setelah sudah diketahui akan bahasa Siam itu maka Hang Tuah pun mengaji pula pada seorang lebai Cina, Dengan tiada berapa lamanya maka ia pun tamatlah mengaji bahasa Cina itu, maka habislah diketahuinya bahasa Cina itu. maka Hang Tuah pun mengaji pula pada lebai Jawa hendak diketahuinya akan bahasa Jawa itu. Kalakian, setelah habis diketahuinya dua belas bahasa itu, maka Hang Tuah pun pulanglah ke rumahnya bersama-sama dengan ibubapanya mencari makan sehari-hari.'

Setelah itu dipersiapkan dia dan teman-temannya pula dengan ilmu perajurit, dan seterusnya dilatih di istana untuk menjadi hamba sultan yang baik – yang berbakti terhadap rajanya, tanpa ragu atau tanpa persoalan.

Beliau pula adalah manusia setiawan, peka, tidak mementingkan diri, sedia berkorban, sopan dan suka berkongsi kejayaan. Tiada bandingannya di zaman itu, dan tidak banyak sastera lain yang menyimpan manusia sebaiknya.

Inilah bayangan manusia besar dalam dunia besar kurun ke 14 atau 15. Bersamanya pengarang mengiringkan hasrat besar bangsa Melayu bahawa Hang Tuah menghuni dan menyerlah dalam dunia yang lebih besar, dan orang Melayu memakai bukan saja wajah terhormat tetapi pintar, berkebolehan, menguasai persoalan di mana pun dia berada, berilmu - mengenali budaya dan bangsa yang dikunjunginya secara yang akrab. Kita tidak dapat menerka gerak fikiran pengarang Hikayat Hang Tuah, dan apakah beliau faham bahawa yang dilukisnya itu mungkin juga dikongsi bersama sebagai isu di dunia yang lebih besar dari Melaka, masalah yang lebih universal dan akan menarik perhatian pembaca di luar dunia Melayu.

Dalam perjalanan jauh dan rumit penjajahan beberapa orang pengkaji atau pentadbir pernah terjumpa permata budaya dan sastera bangsa yang dijajah mereka. Di Malaysia British menemui peribahasa, pantun, *Sulalat al-Salatin* dan *Hiakyat Hang Tuah*. Ke mana pun mereka pergi cerita Hang Tuah didengarnya, dan cerita-ceritanya seperti tak dapat ditamatkan oleh peredaran zaman atau penjajahan. Banyak sebab yang boleh dicari untuk kelangsungan cerita ini - mungkin Hang Tuah dianggap sebagai penembus malu bangsa yang kalah, seperti disebut sebelum ini, sebagai lambang kejayaan luar biasa di masa sudah, atau menjadi semacam tangkal untuk masa depan yang amat ditakuti itu, kerana masa sudah sering menewaskannya. Banyak kata dan gagasan yang dianugerahkan kepadanya, termasuk yang tidak diberikan oleh pengarang aslinya - misalnya, Hang Tuah tidak pernah mengatakan 'Takkan Melayu hilang di dunia'.

Terjemahan dan Jelmaan Eropah

Jelaslah bahawa dunia Hang Tuah dan Melaka bersempadankan cakrawala timur yang dikenali pada masa itu, termasuk Rom, yang didengar namanya dari jauh dan mungkin tidak dikenali bahasanya, dan sekiranya diketahui tidak dapat dipelajari bahasanya kerana tidak pula ada 'lebar' yang dapat mengajarnya, kerana orang Rom atau Eropah belum sampai ke Melaka pada pertengahan kurun ke-14. Cukup menarik setelah lebih kurang 500 tahun setelah menjadi mitos di Melaka, walau pun beliau tidak diajar bercakap dalam bahasa Eropah, pada kurun ke-20 dia sudah bercakap dalam empat buah bahasa benua jauh ini!

Beliau telah diterjemahkan oleh sarjana, peminat, atau dibentangkan kembali ceritanya dalam bahasa-bahasa ini. Beliau menjelma ke halaman buku, teater dan komik Eropah. Belanda, Inggeris dan Perancis banyak menterjemah karya-karya Melayu. Belanda sendiri menterjemah beberapa buah hikayat Melayu sementara manakala Perancis menterjemah *Hikayat-*

Raja-raja Pasai, Mahkota Raja-raja dan Sejarah Melayu, dan Inggeris pula menterjemah *Sejarah Melayu* (2 kali), *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Abdullah*, pantun dan peribahasa. Namun *Hikayat Hang Tuah* masih belum muncul dalam bentuk yang penuh dalam bahasa-bahasa ini.

Sehingga ini dapat dikesan terjemahan dan penjelaman *Hikayat Hang Tuah* seperti berikut.

1. Dalam bahasa Jerman, yang mengandungi terjemahan *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dalam buku *Malaiische Chronik, Hang Tuah Aus dem Malaiischen ubersetz von Hans Overbeck*, pertama kali terbit pada tahun 1922, tetapi diterbitkan kembali pada tahun 1976,
- 2 dalam bahasa Inggeris, *The Adventures of Hang Tuah* oleh M C ff Sheppard, pertama kali terbit pada tahun 1949, tetapi diterbitkan lima kali setelah itu
3. dalam bahasa Belanda, pertama sebagai sebuah drama pendek oleh Carel Voorhoeve, *Toeah en Djebat*, pada tahun 1951, dan pada tahun 2003 sebagai komik yang diterjemahkan oleh Fred Dijs, daripada karya asal oleh Nasjah,
4. dalam bahasa Rusia, oleh Boris Parnickel yang berjudul ... , 198*.

- 1 *Malaiische Chronik, Hang Tuah Aus dem Malaiischen ubersetz von Hans Overbeck*. Mula diterbitkan oleh Georg Mueller, Munich, pada tahun. 1922 Mengikut Ulrich Kratz, beberapa puluh tahun setelah Perang Dunia Kedua, ditemukan kembali lebih kain pembalut edisi 1922, maka diterbitkannya kembali sebanyak 2000 naskah oleh Eugen Diederichs Verlag, Dusseldorf-Koln, 1976, dengan menggunakan kain batik tulis lebih itu. Ulrich Kratz telah diminta untuk menuliskan bibliografi karya dan riwayat hidup singkat Overbeck. Versi yang digunakan oleh Overbeck untuk *Sejarah Melayu* ialah juga yang digunakan oleh Shellabear, yang diterbitkan oleh Methodist Publishing House, Singapura pada tahun 1896, dalam cetakan Jawi Namun untuk *Hikayat Hang Tuah*, kita tidak dapat pastikan.

Versi ini lebih pendek daripada versi Dewan Bahasa dan Pustaka yang digunakan oleh Kassim Ahmad, dan bermula terus dengan cerita keluarga Hang Mahmud berpindah ke Bentan, dan anak mereka yang sedang dikandung oleh isterinya.

Terjemahan Overbeck menggunakan bahasa biasa, maksudnya, bukan bahasa sastera, atau yang diperindahkan. Mengikut Jan Stark, bahasa ini adalah bahasa yang digunakan pada awal abad ke-20.

Demikianlah ceritanya dimulakan dengan (Overbeck, 1976:147)

Die Erzählung kommt nun zu Hang Tuah, dem Sohne des Hang Mahmud, der am Duyong-Flusse wohnte. Als die Leute vom Duyong-Flusse die Nachricht von der Ankunft des ursten vernahmen, zogen sie alle nach Bentan fort, und auch Hang Mahmud sprach zu seiner Gattin, welche Dang Merdu Wati heiss. `Es ist besser, dass wir nach Bentan ziehen, dort können wir leichter unsern Lebensunterhalt erwerben, denn gross Stadt

Setelah itu mereka berpindahlah ke Bentan. Isteri Hang Mahmud bermimpikan bulan turun dari langit dan menerangkan cahayanya ke atas kepala anak yang sedang dikandung. Cerita melalui peristiwa-peristiwa penting dan menutup dengan (Overbeck, 1976:343),

Von Hang Tuah hort man hiezulande nichts mehr, aber Tun Tuah ist nicht gestorben, denn er war ein mächtiger Krieger, und dazu ist er ein Stellvertreter Gottes geworden. Es heisst jetzt, dass Tun Tuah an der Quelle der Perak Flusses wohnt, und dass er der Furst aller Bataks und Waldbewohner geworden ist. Jetzt trifft ihn von Zeit zu Zeit wohl noch jemand, und wenn er ihn fragt. Wollt Ihr Euch nicht vermahlen, Herr? `so antwortete er `Ich wil mich nicht mehr verhalten.' Das ist die Geschichte von Hang Tuah

Kata Hans Overbeck dalam pengenalan terjemahan hikayat ini, katya ini ialah 'das schonste Buch der malaischen Literatur', buku terindah dalam sastera Melayu. Walau pun terjemahannya tidak seindah buku asalnya, namun terbitannya pada tahun 1976 memberikan penghormatan kepada Hikayat Hang Tuah.

Overbeck sendiri mula masuk ke Hindia Belanda pada bulan Julai, 1908, dan bekerja di bahagian perolehan Behn, Meyer di Surabaya. Namun sebagai warganegara Jerman beliau telah ditahan sewaktu Perang Dunia I. Beliau banyak menulis tentang Malay Literature – hikayat-hikayatnya, pantun, dan juga wayang Jawa. Beliau meninggal pada Januari, 1942, sewaktu dalam pelayaran.

2. Belanda

Karya Carel Voohoeve, *Toeah en Djebat*, seperti kata pengarangnya, ialah suatu episod dramatik daripada karya pusat sastera Melayu lama, dan hanya satu episode saja yang diceritakan kembali di atas pentas. Pilihannya ialah episod terpenting, bermula pada titik Tuah difitnah Patih Kerma Wijaya kepada Sultan, dan sebagai tindakan Laksamana disuruh bunuh kepada Bendahara. Cerita berlangsung dengan pangkat/kuasa baru yang diterima oleh Jebat dan Jebat menggunakannya kerana, seperti katanya, dunia tanpa undang-undang, maka dia juga mau berlaku demikian.

Onrecht beheerst de wereld;
dan wil ik ook omrecht doen
en machtig zijn in het kwade.

Dengan berlaku demikian namanya akan berkekalan untuk selamanya 'voor alle tijden.' Inilah dasar yang membuat Jebat bermaharajalela. Seperti kita sendiri teka, akhirnya Raja/Vorst memerlukan seseorang untuk menebus malunya – dan Tuah pun kembali untuk membunuh Jebat – teman yang juga membelanya. Cerita memanjat kepada ironi pusat di mana yang menuntut bela terhadap kesalahan Tuah telah dibunuh Tuah sendiri, kerana Tuah ingin kembali membuktikan baktinya terhadap raja - yang sebelum ini menzaliminya.

Adegan cerita berakhir apabila Jebat mati setelah memakan siri h pemberian
Tuah (Voorhoeve, 1951: 54),

Toeah

Al ik de strijd verlies
en jij in de leven blijft,
het land zou verloren zijn,
Je misdaad is onvergeeflijk,
ware het anders, ik zou je redden,
aan de dood je ontrukken.

Djebat

Omdat ik dacht dat de vorst,
zonder redden of recht,
je ter dood had gebracht,
verd ik ontvreden.
Ik zei wat hem overkomt,
Toeah, den held zonder blaam,
dat ken elk andere gebeuren "
Dit waren mijn gedachten:
Onrecht beheerst de wereld;
dan ik wil ook onrecht doen
en machtig zijn in het kwade."
Mijn naam als euveldader
zal groot voor alle tijden

Seterusnya karya Belanda kedua ialah sebuah komik yang dilukis dan
diberikan kata-katanya oleh Nasjah pada tahun 1951. Komik ini
diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda oleh Fred Dijs Cukup menarik
bahawa sudut pandangannya adalah daripada seorang pelukis/pengarang
Indonesia, tetapi inti patinya diterjemahkan untuk khalayak Belanda. Dalam
bentuk komik cerita dan maknanya lebih padat, pendek dan dasar Pada
dasarnya karya asli dan terjemahannya lebih mensasarkan anak-anak atau
remaja

Fred Dijs, warganegara Belanda, dilahirkan di Plaju, Indonesia, pada tahun 1951, tankh komik ini pertama kali diterbitkan. Beliau mengajar, menulis serta membuat filem. Dewasa ini beliau sedang menterjemahkan *Hikayat Hang Tuah* ke dalam bahasa Belanda, untuk pertama kalinya.

Apakah yang menarik dalam komik ini? Untuk pertama kali di Eropah Hang Tuah muncul dalam bentuk komik – gabungan di antara sketsa dengan kata-kata, berlainan sekali daripada cerita lisan dan tulisan. Pemerian tulisan dikonkeritkn dengan garis dan kata-kata. Aksi juga dipadatkan dalam gerak dan perbuatan terpilih dan teras. Tiada banyak yang berbentuk lebihan atau hiasan dapat dimasukkan.

Dalam 34 halaman dengan hitung panjang 8 bingkai setiap halaman cerita besar ini harus dikisahkan. Seperti yang dapat dibayangkan hanya bahagian-bahagian pentingK kelahiran, kejayaan melawan lanun, mempertahankan Bendahara, belajar ilmu silat, mengiringi Sultan ke Majaoahit, dihukum bunuh dan mencuri Tun Teja, dan akhirnya pertikaman dengan Hang Jebat, kematian Jebat serta akhirnya perjalanannya sebagai duta ke Negeri China saja yang dapat dimasukkan. Lagi pun inilah inti cerita hikayatnya.

3. *The Adventures of Hang Tuah*

Cukup menarik tapi membingungkan ialah hakikat bahawa walau orang Inggeris agak ghairah menterjemah *Sulalat al-Salatn*, (ada versi John Leyden dan juga C.C.Brown), beberapa buah hikayat, peribahasa, pantun, dan lain-lain, tetapi *Hikayat Hang Tuah* yang juga dianggap karya besar, tidak pernah secara penuh diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Seperti *Sulalat al-Salatn* *Hikayat Hang Tuah* juga melukis bangsa dan jiwa Melayu, konsep manusia unggulnya; serta isu kesetiaan dan pemberontakan – yang seharusnya amat berguna kepada kuasa imperialis seperti British, yang perlu membaca isi hati dan jiwa orang Melayu supaya penaklukan mereka lebih sempurna. Tapi kita kurang faham mengapa karya ini tidak diterjemahkan. Apakah karya ini terlalu besar dan berat, dan bahasanya terlalu klasik dengan kandungannya yang merujuk kepada susunan masyarakat, budaya

dan cara kehidupan feodal yang sulit dicarikan padanan Inggerisnya? Masalah ini dirumitkan lagi oleh istilah khusus untuk alatan, barang-barang, upacara, perayaan, pakaian serta adat dan lain-lain sudut budaya yang amat rumit lagi amat mencabar penterjemah.

Ataukah karya ini tidak menarik atau relevan kepada pembaca British umumnya, sulit untuk dihubungkan dengan kehidupan pada kurun kelapan belas dan kesembilan belas di Britain. Namun di sebelah pihak lainnya ramai yang melihat karya ini sebagai hasil dari suatu tradisi besar dan ditunjangi oleh genius seorang pengarang yang luar biasa bakatnya, termasuk Winstedt, yang tidak begitu banyak memuji pencapaian sastera Melayu

Di gurun pengabaian ini hanya M C ff Sheppard (nanti lebih dikenali sebagai Mubin Sheppard) menjadi orang langka yang cuba memberi semacam penjelmaan kepada wira budaya Melayu ini dalam bahasa Inggeris. Hasilnya ialah sebuah buku kecil yang berjudul *The Adventures of Hang Tuah*, dan ditujukan kepada pembaca yang lebih muda. Walaupun demikian orang dewasa pun, saya rasa, dapat menikmati bakat dan bahasa Sheppard. Beliau mencipta kembali cerita Hang Tuah secara agak penuh, walau ringkas dan pendek. Buku ini cukup popular kerana diterbitkan sekurang-kurangnya lima kali dan digunakan di sekolah, sebagai buku bacaan dalam kelas bahasa Inggeris. Sejarah cetakannya yang cukup panjang ini mungkin menandakan bahawa buku ini juga mungkin menjadi bacaan umum.

Seperti dalam cerita pengenalan kemungkinan besar Sheppard bekerja di Kuala Kangsar sewaktu beliau memikirkan projek ini, namun beliau diberikan ruang yang luas, walau tidak selesa, di Penjara Changi pada tahun 1943, untuk merancang dan memulakannya. Tetapi tidak menghairankanlah sekiranya Sultan Perak memberikan pengantar kepada bukunya. Baginda menyatakan bahawa hubungan *Hikayat Hang Tuah* dan versi rekreasi Sheppard amat dekat kepada negeri Perak kerana di sana tersimpan salah sebatang keris Hang Tuah

This book is of special interest to Pertak Royalty in view of the fact that one of Laksamana Hang Tuah's crises is carefully preserved in the Perak Royal Regalia.

Seterusnya Sheppard sendiri menceritakan sedikit bagaimana tercelusnya projeknya untuk menulis kembali cerita itu dalam bahasa Inggeris. Beliau (yang dalam pengenalan ini dinamakan Martin, dan adalah watak gantian Mervyn Sheppard, atau nama yang digunakan di Kuala Kangsar), meminta salah seorang pegawai rendah pentadbiran British, Raja Mustapha, mendapatkan temujanji dengan Tengku Fatimah, yang menyimpan banyak manuskrip lama, termasuk *Hikayat Hang Tuah*. Sheppard sudah pun tertarik kepada karya ini kerana seperti katanya (Sheppard 1949),

He already had shared T. Mustapha's enthusiasm for the principal character, Hang Tuah, whose story was a happy blend of history and romance.

Katanya lagi,

But it seems to him Robert Louis Stevenson's estimate of D'Artagnan fitted the Malay like a glove, "There is nothing of the copy book about his virtues, nothing of the drawing room about his fine natural civility; he will sail near the wind; his conscience is void of all refinements whether of good or evil; but the whole man rings true like a good sovereign."

Hang Tuah adalah manusia nyata, bukan pelakon di ruang tamu cereka, tetapi belayar dengan angin selat atau laut Nusantara. Oleh kerana, seperti kata Martin, manuskrip itu setebal 230 halaman maka 'Martin was obliged to choose only the main incidents. This he did, and thus for the first time four hundred years after the story was first recorded, the adventures of Hang Tuah were made available in English.' Jadi yang menarik Sheppard adalah 'adventure' Hang Tuah, dan oleh itu cerita berpusat kepada kejayaan 'adventure' dan kekuatan peribadi serta nilai watak yang tulen.

Demikianlah dipilihnya episod-episod berikut:

1. A Brush with the Pirates
2. The Guru of the Mountain
3. The `amok"
4. Guardsmen
5. A journey to Java
6. Enemies at Court
7. Duel with Hang Jebat
8. Admiral and Amabssador
9. Tun Tjiah
10. Megat Trengganu
11. Under a New Ruler
12. The Princess of Gunong Ledang

Tajuk-tajuk ini menegaskan sudut `adventure' Hang Tuah. Cerita Sheppard berakhir apabila Hang Tuah dan pengiringnya pulang dari Gunung Ledang setelah cuba meminang Puteri Gunung itu, manakala versi Overbeck dan Nasjah membenarkan jalan ceritanya sampai ke hujung, seperti dimaktubkan oleh hikayat versi lebih panjang yang kita kenali - sehingga dia hilang dari Melaka tetapi muncul sebagai batin di hulu Sungai Perak

Sheppard juga menawarkan semacam nota di hujung buku ini, dengan menyatakan bahawa beliau menggunakan sebanyak mungkin maklumat dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, dan apabila terdapat perbezaan di antara kedua itu, beliau memberi keutamaan kepada sumber *Hikayat Hang Tuah*. But `many of the details are imaginary ' Lakaran dalam dua buku alsı ini ditambah dengan rincian yang dicipta imaginasi Sheppard sendiri dan keperluan pengkisahan inilah di antara sumbangan kreatif penulis kembali cerita ini. Beliau tidak menterjemah, tapi mengolah sumber-sumber ini dan menceritakan dedngna cara yang cukup berkesan.

Kita kutip sebahagian daripada klimaks ceritanya, iaitu pertikaman di antara Hang Tuah dan Hang Jebat (Sheppard, 1949 61-62)

'I would say that we have been more like brothers ever since we were little boys together,' he turned and looked longingly towards the door. It was the moment for which Hang Tuah was waiting. In a flash he leaned forward and snatched the kris of Tameng Sari from Hang Jebat's waist. Both men sprang to their feet, Hang Jebat startled and weaponless, Hang Tuah confident at last of victory.'

'For all your fine talk you are no better than a coward, Tuah. You can't kill me in a fair fight so you steal my weapon.' Hang Tuah laughed and answered.

'This kris is my kris which I won from Tameng Sari. It was given to me by the king of Majapahit. Here is another in its place.'

Bahasanya berbunyi dan bersusunan kontemporer, dibiarkan mudah tapi baik, idiomatik dan dalam perbendaharaan yang terkawal untuk pembaca di sekolah. Malah pengkisahannya cukup puitis dan pasti dapat memikat pembaca muda. Tidak syak lagi karya ini berpusatkan kepada cerita 'adventure' lima bersaudara itu dan manusia yang ingin dijadikan contoh, dan tidak bertujuan untuk mengajuk bahasa asli *Hikayat Hang Tuah* yang ditulis dpada kurun ke-17.

Seterusnya oleh kerana *Hikayat* itu tidak selalu jelas benang kronologinya maka Sheppard telah berdaya utama menyusun babak-babaknya kembali seperti yang disarankan *Sulalat al-Salat*in dan *Hikayat Hang Tuah*. Karya Sheppard inilah juga yang menjadi inti kepada filem Hang Tuah yang bakal diterbitkan nanti.

b. Terjemahan *Hikayat Hang Tuah* ke dalam Bahasa Inggeris

Pada saya terasa sudah dingin *Hikayat Hang Tuah* di Malaysia dan seluruh Nusantara, kerana pelajar tidak membacanya di sekolah, dan sudah dikesampingkan sama sekali karya besar ini dari kesedaran dan kebanggaan kita. Kejayaan besar pengarang tempatan dibuang ke tong sampah sejarah

sementara kita membenarkan dan menggalakkan Harry Porter menerbangkan anak-anak kita mengungsi dari kenyataan, melalui imaginasi Rawley* dan landasan perdagangan buku serta iklan.

Sementara itu saya mula menterjemah *Hikayat Hang Tuah* ini lebih 10 tahun yang lalu, dan saya memulakan kerja bersama Alton Becker, seorang profesor di Universiti Michigan, pada waktu itu. Projek kami terhenti untuk sekian lama, kerana jarak yang jauh di antara kami dan juga tuntutan kerja di kampus sendiri yang membawa kami ke ruang dan kepentingan lain. Namun pada awal tahun ini (2003) saya 'memeperkejutkan' diri saya 'pada mengusahakannya' kembali, kerana orang yang lebih pintar daripada saya tidak mengerjakannya. Tiada rotan akar pun berguna, nasihat pepatah Melayu – untuk sementara. Saya amat sedar bahawa bahasa Inggeris saya tidak seaktif dulu, dan tidak sekuat beberapa tahun yang lalu. Namun kata orang walau pun tenaga semakin kurang apabila kita semakin tua, yang menjadi kekecualiannya ialah bahasa – bahasa orang tua lebih baik daripada orang muda. Ini menjadi semacam mencetus semangat baru

Pada tahun 2003 saya memulakan kembali penterjemahan itu dan sudah menyiapkan 125 halaman sebagai draf kasar pertamanya. Kerja ini sedang dalam pelaksanaan. Seperti yang dapat dibayangkan menterjemah karya besar begini menimbulkan berbagai-bagai isu dan persoalan. Walau tidak selalu jelas penyelesaiannya namun masalah harus diselesaikan secepat mungkin, dan keputusan tentang konsep harus disimpul di awalnya. Di antara yang perlu dipastikan ialah:

1. Bahasa apakah yang harus digunakan? Apakah perlu bahasa yang menggema dengan dinamika budaya pengkisahan – didramakan – kerana bahasa tulisannya kurang dramatis, langka dan istimewa? Apakah bahasa sasaran harus meniru bahasa yang digunakan oleh pencerita/penutur yang dengan sedap suara dan tekniknya memintal benang cerita, dan bahasa untuk menawan pendengarnya seperti yang dilukiskan oleh pengarang sewaktu memerikan Hang Jebat sedang berhikayat dalam istana (Kassim ed. 1975:313)

Maka Hang Jebat pun membawa hikayat, terlalu nyaring suaranya lagi merdu. Maka segala dayang-dayang dan perwara dan gundik raja sekaliannya pun duduk mengintai di balik dinding, mengintakan Hang Jebat membaca hikayat itu. Maka segala gundik raja pun berahilah akan Hang Jebat. Maka Raja pun terlalu sukacita mendengar Hang Jebat membaca Hikayat itu, suaranya terlalu manis seperti buluh perindu, kerana Hang Jebat pandai mengadakan suarakan memberi sekalian mendengar dia pilau dan rawan; barang siapa mendengar dia menjadi kasih hatinya.

Bahasa tulisan *Hikayat Hang Tuah*, terutama pada seratus halaman pertamanya, banyak membawa perulangan sintaks, ayat, struktur dan malah amat formulaik, dipenuhi cliché yang dikutip dari tradisi penceritaan Melayu. Klise ini menjadi hidup hanya dalam persembahan lisan, sekiranya dibaca di atas kertas maka kita akan mendapatinya penuh berkerumunan, dan tidak menarik, terutama pada abad ke-21 ini.

Namun banyak bahagian pula yang lebih menarik dan imaginatif, seperti dalam kutipan di atas, terutama dalam bahagian-bahagian di mana pengarang harus mencertakan perjalanan baru dan tindak-tanduk watak yang tidak terdapat dalam sastera lama.

2.Suasana dan jenis bahasa bagaimana yang tersesuai? Dua pendapat penting yang selalu muncul pada masalah ini – pertama, gunakan bahasa yang sezaman dengan bahasa aslinya, dan kedua, bahasa moden supaya dapat difahami khalayak yang akan membacanya. Oleh yang demikian kita boleh memilih bahasa sekitar zaman Shakespeare atau pun zaman kita ini Tetapi apakah bahasa yang sesuai – bahasa Inggeris England, Amerika, Australia atau 'Manglish'?

3. Terjemahan susunan hierarki dan budaya feodal – apakah mungkin ditemukan satu sistem kebangsawanan Inggeris/Scot/Welsh yang agak

sama dengan system Melayu ini? `Raja' dan `Pemaisuri' mudah dialihbahasakan sebagai King dan Queen, tapi bagaimana dengan Bendahara? Apakah Prime minister mencukupi (ada maksud bendahari dalam makna Bendahara seperti difahami oleh orang Indonesia). Seterusnya saya menghadapi masalah dengan kata-kata Temenggung, dayang, perwara, biti-biti, pelulut, malah perkataan setia, konsep `gentlemanliness' `fair play' yang tidak menjadi perkiraan Hang Tuah – yang diajar tipu helah perang untuk menang.

Konsep ini semakin bermasalah apabila diterjemahkan untuk zaman kini yang jauh meninggalkan konsep lamanya, bukan saja di luar negeri, malah di dalam negeri juga.

4. Persoalan versi dan teks mana juga cukup penting. Namun saya menggunakan transkripsi Kassim Ahmad, walau pun mansukripnya bukanlah yang terlengkap, dan untuk keadaan sekarang memilih yang mudah didapatkan Sementara teks yang terlebgkap/tertua ditranskripsikan

5. Siapakah khalayaknya? Berlainan daripada Mubin Sheppard saya lebih suka membukanya kepada semua golongan – dan ini mungkin mengeluarkan golongan yang agak muda – yang mungkin tiada berminat untuk membaca karya yang lengkap ini dan dapat menikmati versi beliau yang lebih sesuai dengan selera anak-anak. Kita berharap khalayak kita akan dapat merasakan bahasa, suasana dan budaya Hikayat Hang Tuah ini sedalam dan sebnayak mungkin

6. Apakah sebuah glosari memebantu, seperti dibuat oleh Parnickel dan Overck dan juga Dijs?

7. Bagaimanakah cara bekerja yang terefisien dan berhasil sekali? Cara bekerja saya ialah menterjemahkan secara agak dasar dan harfiah pada peringkat permulaannya, setelah itu barulah menciptanya kembali ambil mengingat beberapa beberapa tujuan, termasuk memberi suasana karya agung dengan bahasa yang baik dan indah Sekiranya dibuat secara

harafiah maka kadang-kadang-kadang pada bahagian-bahagian tertentu agak keanakan-akan bunyinya. Perlu juga penterjemah memberikan suara dan zaman, dan tradisi – dengung bunyi suara, hidangan lisan yang lebih penuh dengan suasana persembahan lisan yang dihadiri oleh ramai khalayaknya. Wujudnya upacara pada tradisi ini, dan bukan cerita sederhana daripada nenek kepada cucu, tapi katanya ahrus diiringi jwa tradisi lama

Oleh yang demikian *Hikayat Hang Tuah* boleh diolah kembali supaya terendgar suara bagus dan profesional pengarang/pencerita dan tradisinya. Sekiranya diterjemahkannya dalam bentuk setia dan harafiah maka tradisi ini menipis dan hasilnya juga agak tipis dan tidak agung seperti yang aslinya.

Sila lihat terjemahan awal kami,

Halaman pertama *Hikayat Hang Tuah* berbunyi seperti berikut:

Bismi'llahi'rrahmanirrahim, wabihi nasta'ny billahil-ala Ini hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya

Sekali persetua ada seorang raja keinderaan. Raja itu terlalu besar kerajaannya; pada segala raja-raja indera seorang pun tiada menyamai dia, sekalian menurut titahnya. Syahadan apabila baginda itu keluar dihadap oleh segala raja dan menteri dan santeri, maka berapa pedang yang sudah terhunus kepada kiri kanan baginda itu dan berapa pula bentara memikul pedang benkatkan permata bertatahkan ratna mutu maknikam. Maka apabila baginda itu bertitah pada segala raja-raja dan menteri, maka baginda itu memandang ke kanan, maka segala raja-raja dan segala menteri yang dari kanan semuanya menyembah, maka bentara kananlah menyampaikan titah raja itu, maka apabila baginda itu memandang ke kiri, akan segala raja-raja dan segala menteri yang di kiri semuanya menyembah, maka bentara kirilah menyampaikan titah raja itu.

Adapun nama baginda itu Sang Perta Dewa. Adapun Sang Perta Dewa itu tahu akan dirinya akan beroleh anak; maka anaknya itu akan menjadi raja kepada Bukit Seguntang; maka daripada anak cucu baginda itu akan menjadi raja besar pada akhir zaman.

Terjemahan kami,

Bismi llahi'rrahmanirrahim, wabihi nasta'ny billahil-ala

This is the legend of Hang Tuah, a warrior who served his king with a great ideal of a loyalty that is beyond all bounds.

The story begins its words in a world of the kings of the heavens. Great was his kingdom; among the princes of heaven none was his compare. When the great god-king held court, from afar, enrobed in royal attire, with fluttering banners and the sparkle of jewels, sacred weapons were carried before him by his heralds, and long rows of nobles, officers and attendants bowing before him. When he spoke to the princes and ministers the heralds convey words to his right and to left, and everyone bows in obeisance.

His name is Sang Pertadewa. Sang Pertadewa knew, as a god knew, that he would beget a son, would be born a king into the human world at Seguntang Hill, in the Islands of Sumatra, and found there a dynasty to rule the Malays to the end of human time.

4. Bahasa Rusia

Pada tahun 1980an, seorang profesor, yang dari zaman mudanya telah menjadikan *Hikayat Hang Tuah* sebagai sebahagian daripada kajian dan hidup akaliannya telah menterjemah dan menerbitkan terjemahan *Hikayat Hang Tuah* yang berdasarkan versi Balai Pustaka

Parnickel menjadi pemikir awal untuk interpretasi watak Hang Jebat sebagai pemberontak yang melawan ketidakadilan

Terjemahan ini dibuat dalam bahasa Rusia moden dan berdasarkan pengetahuan bahasa dan sastera Melayu yang cukup mendalam. Kita juga kenal Parnickel sebagai penkaji sastera Melayu dan sering menulis tentang watak Hang Tuah dan Hang Jebat

Namun hubungan Malaysia dan Indonesia dengan Rusia tidak seerat Malaysia dan Britain dan Indonesia dengan Belanda, yang berlandaskan penjajahan. Rusia mempelajari dunia, dan juga dunia Melayu melalui Insitutt Kajian Timurnya di Universiti Negara Moscow

Sebagai negara sosialis Rusia juga berminat untuk melihat ke dalam jiwa dan kebanggaan bangsa lain, terutama negara berfahaman sosialis. Dan Indonesia pernah dekat dengan Rusia semasa Sukarno, yang menjadikan sosialisme salah satu daripada tiga unsur falsafah negaranya. Kedua-dua unsur ini menggalakkan kajian tentang sastera Melayu dan Indonesia

Berikut adalah tiga jenis terjemahan/jelmaan Hikayat Hang Tuah dalam bahasa Rusia.

a. Cuplikan pertama daripada *Hikayat Hang Tuah*, mengikut Viktor Progadev, diterbitkan dalam bahasa Rusia pada tahun 1825, dalam jurnal *Aziatskiy Vestnik* (Jurnal Pemberitaan Asia). Secara agak salah anggapan cuplikan itu diberi tajuk "Cuplikan dari Sastera Jawa", kerana yang diceritakan ialah Hang Tuah sedang menari – di depan Batara Majapahit.

b. Pada tahun 1952, 127 tahun setelah itu seorang pensyarah, Lyudmila Mervard, menyusun sebuah buku teks dan memasukkan sebuah kutipan daripada *Hikayat Hang Tuah*.

c. Seterusnya terjemahan terlengkap ke dalam bahasa itu, ialah *Povest' o Hang Tuahe*, hasil usaha Boris Parnickel, yang diterbitkan di Moscow oleh Penerbit "Nauka" pada 1984. Jumlah halamannya ialah 394. Seterusnya dimasukkan pula sebuah Catatan (h. 375-390) dan Glosari (h. 390-393) yang membawa penjelasan pangkat-pangkat seperti Laksamana, Bentara, Patih dan lain-lain. yang dalam teks Rusia dikekalkan

Terjemahan dibuat berdasarkan kepada teks yang diterbitkan oleh Balai Pustaka.

Parnickel menggunakan bahasa Rusia moden dengan tujuan supaya karya klasik Melayu ini akan dapat dihayati oleh pembaca Rusia semasa.

Seperti dilakukan oleh Overbeck sebelumnya Parnicket juga merasakan adalah lebih bijaksana untuk mengekalkan nama hieraki feudal Melayu, yang sulit dicamkan persamaan dengan hieraki Rusia.

5. Penutup dan Penjelamaan dalam Dunia Siber

Saya ingin mengakhiri kajian kecil ini dengan memperlihatkan wajah dan jelmaan Hang Tuah dalam dunia siber yang cepat mengembang dan mengheret semua bidang ilmu dan kepentingan ke dalam mediana.

Ada empat bahasa yang menyentuh atau membincang Hang Tuah, iaitu Bahasa Inggeris, Jerman dan Jepun.

Dalam bahasa Inggeris ada disebut penermaan *Hikayat Hang Tuah*, ke dalam Memory of the World Registry. Sementara itu beberapa esei dan buku dalam bahasa Inggeris, termasuk tesis Ph.D Sherry Errington, 'A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah', buku Sulastin Sutrisno, *Hikayat Hang Tuah* analisa struktur dan fungsi: Ringkasan dan dalil-dalinya, esei Henk Maier, Boris Parnickel serta juga karya Henri Chamberl-Loir. Filem 'Hang Tuah' juga disebut dan diberikan maklumat tentangnya, sementara perbincangan yang lebih mendalam oleh Sabri Zain, yang selalu memperkenalkan persoalan yang bersifat intelektual di dunia siber untuk dikongsi bersama, dapat di rujuk dalam sabrizain@yahoo.com. Dua sebuah esainya berjudul 'The Tuah Legend' dan 'Hang Tuah and Hang Jebat: Who was Right?' Terdapat juga sebuah laman perbincangan di laman web jeffooi.com/agi-bin/mt, dalam bahagian screen shots yang mengajak orang Malaysia berwacana. 21st century Hang Tuah Terdapat suatu warkah yang membuat hipotesis bahawa Hang Tuah itu sebenarnya Hang Tu ah – berketurunan Cina – sebuah pandangan yang menarik, tetapi sayang, hanya membayangkan kecenderungan Malaysia, iaitu memberi pendapat tanpa membaca Hikayat Hang Tuah itu sendiri, atau teks dasar lainnya yang perlu.

Dalam Bahasa Inggeris juga buku/komik Fred Dijs diiklankan, disediakan dengan maklumat resensi lengkap dengan kutipannyadan juga diberikan pengantar oleh beliau, serta ucapan pelancaran Duta Malaysia ke Belanda. Wajah buku diterakan untuk calon pelanggan.

Dalam Bahasa Belanda dan Jerman buku-buku disenaraikan dalam perpustakaan, atau yang dapat dibeli dari kedai buku langka. Nampaknya

tidak banyak maklumat yang ditawarkan Dalam bahasa Jepun saya tidak dapat mengesan maksudnya

Namun tiada laman web yang khusus memperkenalkannya secara lengkap, terhormat dan dapat dihayati penuh oleh semua. Mungkin ini dapat dijadikan projek bersama kita nanti, terutama kerana maklumatnya amat tipis, memberat lebih kepada tulsian dalam bahasa Inggeris, dan hampir tidak mempedulikan yang bertulsi dalam bahasa Melayu dan Indonesia, dan berupa cebisan hanya, dan kita harus menunggu pembaca dunia di sana.

Akhir sekali saya mendapati bahawa ada beberapa unsur yang menarik khalayak bukan Malaysia kepada karya ini:

1. untuk orang muda – disediakan `adventure', wira contoh, manusia baik, seperti `Three Musketeers' (campur D' Artagnan), `Famous Five' dan lain-lain, adalah semacam kumpulan atau geng anak muda,
2. ada lukisan jwa suatu bangsa, keunikannya – falsafah feudal, koda nilai masyarakat dan keperwiraaan,
3. gambaran zaman kecemerlangan dan kemenangan
4. metafora untuk sejarah dan nasib bangsa
5. persoalan wira bangsa – wira budaya, berkhidmat untuk raja/negara tanpa batas, berkorban. Masalahnya – isunya tidak tertutup, wira dapat berganti dengan antagonis melalui peredaran zaman.
6. persoalan universal – kebaikan dan kesetiaan melawan kejahatan/fitnah

Demikian Hang Tuah bercakap bahasa `oghang putih' secara cukup terhormat dan mulia.

Cukup menarik bahawa terjemahan karya Melayu, terutama sekali, tidak ditentukan oleh keperluan penjajah untuk memahami manusia yang dijajah, (melainkan *Sulalat al-Salatn/Sejarah Melayu*), dan terjemahan digerakkan oleh individu yang terlibat dalam sastera atau sejarah Melayu atau negara ini secara ghairah, dan kemungkinan besar dari keghirahan peribadi dan bukan pemerintah atau bangsanya. Demikianlah sarjana seperti Overbeck, Parnickel dan pentadbir/sarjana Sheppard mengerjakan penterjemahan

mereka. Namun bangsa mereka dan bangsa Malaysia berhutang budi kepada mereka.

Rujukan

Hikayat Hang Tuah, Kassim Ahmad (ed.) Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

Malaische Chronik, Hang Tuah Aus dem Malaischen ubersetzt von Hans Overbeck. Georg Mueller, Munich. 1922. XV. 334, terbit kembali 1976,

Nasjah dan Fred Dijs, 2003. *Hang Tuah Het malaise Epos na Vier Eeuwen Vertald* Bulaaq & in Beeld, Tekst en Uitleg, Amsterdam, 2003,

Parnickel, Boris, 1976. 'An Epic Hero and an "Epic Traitor" in the *Hikayat Hang Tuah*' *Bijdragen*, V 132, 403-417.

Sheppard, M C ff 1949 *The Adventures of Hang Tuah*, Kuala Lumpur, diterbitkan sendiri. Diterbitkan 4 kali setelah itu

Voorhoeve, Carel, 1951 *Toeah en Djebat*, Den Haag, Leopolds Uitgeversmij